

# Dua jurulatih baru dipilih bagi hadapi Silat Sedunia

B. Minggu (M)

25 OCT 1987

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) melantik dua jurulatih baru — Mohd Sani Murni dan Mohd Yusof Darus, dan mengekalkan penolong jurulatih Sukan SEA, Johari Ibrahim, untuk mengendalikan latihan pusat skuad negara menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia pada 2-9 Disember ini.

Setiausahanya, A Rahman Hassan, memberitahu perlantikan tiga jurulatih itu adalah bagi melatih tiga pasukan iaitu dua pasukan individu dan satu pasukan silat kembangan.

Katanya, Pesaka membuat keputusan itu selepas ketua jurulatih pasukan kebangsaan ke Sukan SEA lalu, Anuar Abdul Wahab, sibuk dengan tugas lain. "Keputusan tidak menge-

kalkan Anuar itu bukan kerana keagalannya melatih pesilat kebangsaan ketika Sukan SEA lalu, tetapi adalah kerana beliau dilantik sebagai pengerusi kejohanan itu," katanya.

Sebelum ini, Anuar dikritik mengenai kelemahannya mengendalikan latihan pusat menyebabkan pesilat kebangsaan gagal mengutip lebih banyak pingat emas di Jakarta.

## Kritikan

Bagaimanapun, pengunduran Anuar, yang juga Naib presiden Pesaka, bukan atas alasan kritikan itu tetapi tenaganya diperlukan dalam mengendalikan pentadbiran dan pengelolaan kejohanan itu.

Rahman percaya ketiga-tiga jurulatih yang dipilih

itu berupaya memberi latihan yang baik untuk pesilat-pesilat kebangsaan nanti.

Latihan pusat untuk kejohanan itu akan bermula pada 10 November ini dan masa yang singkat itu tidak menghalang usaha Pesaka menyediakan pesilat yang baik.

Menurutnya, Pesaka yakin Mohd Sani berupaya membimbing pesilat-pesilat itu berdasarkan pengalamannya dalam mengendalikan kursus jurulatih.

Bagaimanapun katanya, kerjasama daripada Johari yang pernah mengendalikan latihan pusat untuk pesilat negara ke Jakarta lalu turut memberi manfaat.

Beliau mengakui mungkin berlaku perubahan di segi corak latihan nanti tetapi ia tidak akan menyusahkan pesilat-pesilat kebangsaan.



■ RAHMAN... yakin keupayaan kedua-dua jurulatih baru.